



كردان نكر قديج نزار الامتبان

KERAJAAN NEGERI KEDAH DARUL AMAN
PEJABAT KEWANGAN DAN PERBENDAHARAAN
NEGERI KEDAH DARUL AMAN
ARAS 3, BLOK E, WISMA DARUL AMAN
05503 ALOR SETAR, KEDAH DARUL AMAN

Telefon : 04-774 4000/ 04-774 4010
Faks : 04-774 4578/ 04-733 0910
04-774 4643/ 04-733 8717
E-mail : pbnk@kedah.gov.my

Kedah
Malaysia
where it all began

Ruj. Kami : (36) dlm P. Kw.N(K) 1521 Jld 2

Tarikh : 28 Rabiul Awal 1440
06 Disember 2018

**SEMUA KETUA JABATAN
NEGERI KEDAH DARUL AMAN**

Y.B. Dato'/Y.Bhg. Dato'/Tuan/Puan

PEKELILING PERBENDAHARAAN NEGERI BIL. 8 TAHUN 2018
PERATURAN BAYARAN KHAS TAHUN 2018

1. TUJUAN

- 1.1 Pekeliling ini bertujuan untuk melaksanakan keputusan Kerajaan Negeri memberi Bayaran Khas Tahun 2018 kepada pegawai Perkhidmatan Awam Negeri Kedah Darul Aman.
- 1.2 Pekeliling ini hendaklah dibaca dengan Pekeliling Perkhidmatan Bil 3 Tahun 2018 Kerajaan Persekutuan.

2. LATAR BELAKANG

Kerajaan telah memutuskan supaya Bayaran Khas Tahun 2018 sebanyak RM 500.00 dibayar kepada Pegawai Perkhidmatan Awam Negeri Kedah Darul Aman.

3. PERATURAN PERLAKSANAAN PEMBAYARAN

Bayaran Khas Tahun 2018 ini akan diberi kepada semua pegawai Perkhidmatan Awam Negeri Kedah Darul Aman dalam Kumpulan Pengurusan dan Profesional dan Kumpulan Pelaksana dengan syarat bahawa pegawai masih berkhidmat sehingga 18 Disember 2018 dan berada dalam perkhidmatan sekurang-kurangnya 30 hari berturut-turut. Tempoh 30 hari berturut-turut adalah termasuk semua jenis cuti bergaji penuh, Hari Rehat Mingguan, Hari Kelepasan Mingguan dan Hari Kelepasan Am dalam tempoh 01 Januari 2018 hingga 18 Disember 2018.

Bagi syarat-syarat terperinci kelayakan pegawai merujuk kepada Pekeliling Perkhidmatan Bil 3 Tahun 2018 Kerajaan Persekutuan.

4. TARIKH PEMBAYARAN

Bayaran Khas Tahun 2018 sebanyak RM 500.00 ini akan dibayar pada 18 Disember 2018.



5. PERATURAN PERLAKSANAAN BAYARAN KHAS TAHUN 2018

5.1 Bayaran bagi pegawai-pegawai Perkhidmatan Awam Negeri di bawah di mana Gajinya dibayar melalui sistem gaji berkomputer (payroll) perkara berikut hendaklah dipatuhi:-

- i. Perbendaharaan Negeri akan mengeluarkan Laporan G004.
- ii. Jabatan hendaklah mencetak dan menyemak amaun bayaran Bayaran Khas Tahun 2018 di Laporan G004 terutama sekali bagi mereka yang tidak layak menerimanya seperti yang tersebut di dalam Perkeliling Perkhidmatan Bil. 3 Tahun 2018.
- iii. Sebarang pindaan di Laporan G004 tidak dibenarkan kecuali bagi kes-kes berikut:
 - a) Bersara
 - b) Meninggal dunia
 - c) Tindakan tatatertib
 - d) Letak Jawatan
 - e) Cuti Tanpa Gaji

Adalah menjadi tanggungjawab Ketua Jabatan mengutip semula atau memotong sepenuhnya daripada gaji bulan berikut amaun yang tidak layak diterima oleh seseorang pegawai Perkhidmatan Awam Negeri ; dan

- iv. Laporan G004 hendaklah disahkan oleh Ketua Jabatan :-

“Dengan ini disahkan bahawa maklumat / data Laporan G004 (termasuk pindaan) adalah betul dan tidak berlaku pembayaran dua kali atau pembayaran dibuat lebih. Jika berlaku Jabatan saya bertanggungjawab memungut balik lebihan tersebut..”

(Tandatangan & Cop Jabatan)

- v. Laporan yang telah di sahkan hendaklah dihantar kepada Perbendaharaan Negeri Kedah Darul Aman tidak lewat hari **Ahad 09 Disember 2018 jam 12.00 tengahari. Jabatan yang gagal berbuat demikian menyebabkan Bayaran Khas Tahun 2018 dibayar lewat.**
- vi. Bagi pegawai Perkhidmatan Awam Negeri yang tidak tersenarai dalam Laporan G004 Bayaran Khas Tahun 2018 hendaklah dibayar melalui baucar berasingan serta merta.

5.1.2 Pembayaran Melalui Baucar Berasingan

Bayaran Khas Tahun 2018 yang dibayar melalui baucar berasingan hendaklah disertakan penyata perubahan Kew. 8 dan dokumen sokongan yang lain.

5.1.3 Kod urus niaga yang perlu digunakan bagi bayaran Bayaran Khas adalah seperti berikut:-

KOD SODO	KOD ELAUN (PAYROLL)	PERIHAL
17102		Bayaran Khas Tahun 2018
29306		Bayaran Khas Tahun 2018 pekerja sementara / sambilan yang tidak menyandang jawatan tetap.


6. Oleh yang demikian pohon kerjasama Y.B. Dato' /Y. Bhg. Dato' / Tuan / Puan dalam hal ini dan sekiranya mempunyai kemusykilan , sila hubungi **Seksyen Emolumen Perbendaharaan Negeri** di talian 7744605 / 4606 / 4607 / 4608 / 4609 untuk penjelasan.

Sekian , terima kasih.

“BERKHIDMAT UNTUK NEGARA”

“KEDAH AMAN MAKMUR – HARAPAN BERSAMA MAKMURKAN KEDAH”

Saya yang menjalankan amanah,



(NAZHATUN BT. MD. REJAB, AMK., (C.A.M))

Bendahari Negeri,
b/p Pegawai Kewangan Negeri
Kedah Darul Aman.

s.k Y.B. Dato' Setiausaha Kerajaan Negeri Kedah Darul Aman
Y.B. Dato' Pegawai Kewangan Negeri Kedah Darul Aman
Pengarah Audit Negara , Negeri Kedah Darul Aman